

Orang Asli keciciran pelajaran

Oleh AIMUNI TUAN LAH

utusannews@mediamulia.com.my

GUA MUSANG: Dalam tempoh perintah kawalan pergerakan bersyarat (PKPB), anak-anak Orang Asli merupakan kalangan paling terjejas kerana tidak mempunyai akses seperti telefon pintar atau komputer riba untuk belajar dalam talian.

Kebanyakan anak Orang Asli dari pos pedalaman di sekitar daerah ini tidak mempunyai kemudahan berkenaan.

Penghulu Pos Bihai, **Alang Segan** berkata, selain tiada gajet, kedudukan kampung Orang Asli yang terletak di kawasan luar bandar menyebabkan penempatan mereka tidak mempunyai capaian internet.

Katanya, dua masalah tersebut menyukarkan urusan pembelajaran secara dalam talian, sekali gus menyebabkan anak-anak mereka semakin jauh ketinggalan dalam pelajaran.

"Kebanyakan ibu bapa Orang Asli tidak berkemampuan dalam menyediakan kemudahan gajet untuk anak mereka.

"Kami masyarakat Orang Asli kini lebih menumpukan keperluan membeli barangan makanan ketika menghadapi kesukaran hidup pada era ancaman pandemik Covid-19 ini," katanya ketika ditemui pemberita di sini hari ini.

Sebagai pengganti kepada pembelajaran dalam talian, sege-lintir ibu bapa Orang Asli yang mempunyai kemahiran menulis



NORIATI Asod yang mempunyai kemahiran membaca mengajar sendiri anaknya di Kampung Tendrik, Pos Bihai, Gua Musang, Kelantan. - UTUSAN/AIMUNI TUAN LAH

dan membaca mengambil inisiatif mengajar sendiri anak-anak mereka.

Suri rumah dari Kampung Tendrik, Pos Bihai, **Noriati Asod**, 24, berkata, hidup sewaktu tempoh pandemik Covid-19 ini memerlukan keluarganya melakukan penjimatan dan memberi keutamaan kepada keperluan asas keluarga sahaja.

Katanya, dia bersyukur apabila mempunyai kemahiran membaca dan dia mengambil keputusan mengajar sendiri anak serta anak saudaranya di rumah.

"Sejak kebelakangan ini, saya lihat pendidikan anak-anak Orang Asli, khususnya di tempat saya semakin merosot dan tidak mendapat perhatian daripada pelajar itu sendiri," katanya.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Guala Kelantan **Mohd. Syahbuddin Hashim** mengakui kemudahan jalur lebar dan rangkaian telefon di kawasan pedalaman yang didiami Orang Asli masih tidak memungkinan.

Katanya, tidak semua penempatan Orang Asli mendapat kemudahan itu.